

# **PROCEEDING**

## **JILID 3**

**The 7<sup>th</sup> ISDEV International Graduate Workshop**  
**30-31 October**

**University Conference Hall University Sains  
Malaysia Penang, Malaysia**

**Jointly Organised By:**

**CENTRE FOR ISLAMIC DEVELOPMENT MANAGEMENT STUDIES (ISDEV)**  
**AND INSTITUTE OF POSTGRADUATE STUDIES (IPS)**

<b>CONTENT</b>	<b>PAGE</b>
<b>ZAKAT INSTITUTION &amp; INSTRIMENT.....</b>	<b>940</b>
Perakaunan Zakat Usahawan Tani Di Malaysia: Satu Sorotan Mohd Rizal Abu Bakar.....	941
Faktor-Faktor Penentu Kejayaan Usahawan Asnaf Penerima Zakat Produktif Yang Diaghikhan Oleh Baitul Mal Aceh Alamsyah Alwi .....	952
Mikro Kredit Daripada Dana Zakat : Aplikasi Di Institusi Zakat Nurul Ilyana Muhd Adnan .....	969
Implementasi Zakat Pendapatan: Kajian Kes di Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara Medan-Indonesia Irfan.....	979
Lembaga Amil Zakat (Laz) Sebagai Institusi Pengurus Zakat: Kes Di Kota Malang, Jawa Timur, Indonesia Marlina Ekawaty .....	989
Pendekatan Pengagihan Zakat Produktif: Analisis Kes Di Ban Nua, Thailand Wafdi Auni Mohamed.....	1010
Kaedah Taksiran Zakat Saham: Analisis Perbandingan Amalan Di Lembaga Zakat Selangor Dengan Garis Panduan Jawhar Wan Anisah Endut.....	1021
<b>CONSUMER BEHAVIOUR .....</b>	<b>1031</b>
Gelagat Usahawan Industri Kecil Dan Sederhana (Iks) Terhadap Sambutan Produk Takaful Hibrid: Kajian Teoritis Khairul Faizi Mohd Rafie.....	1032
Gelagat Usahawan Produk Halal Terhadap Perkhidmatan Tadbir Urus Hab Halal Siti Syuhadah Mohamad.....	1045
Penggunaan Berhieraki Berteraskan Islam : Jaluran Kajian Konvensional Dan Islam Basri Abd. Ghani.....	1057
Gaya Hidup Pengguna Muslim Bank Syariah Ahmad Nizam .....	1078
Pandangan Islam Terhadap Teori Psikoanalisis Mutiara Dwi Sari .....	1096

Faktor-Faktor Penerimaan Pembiayaan Perumahan Musharakah Mutanaqisah: Satu Kajian Rintis Dalfiza Mohd Yusof.....	1113
Faktor-Faktor Penerimaan Skim Ar-Rahnu Dalam Kalangan Usahawan Kecil Muslim Bumiputera: Satu Tinjauan Awal Salimah Yahaya.....	1127
<b>DEVELOPMENT .....</b>	<b>1146</b>
Faktor Keimanan Dan Kepimpinan Dalam Pengurusan Kemiskinan Berteraskan Islam Dalam Pemerintahan Umar Ibn Al-Khattab Yusra Omar.....	1147
Pemikiran Ekonomi Islam Hasan Al-Banna : Sumber Alam Sebagai Peralatan Pembangunan Marhamah Ishak.....	1158
النبوة عصر في الاقتصاد - نادية التميمي في المرأة مشاركة Dr. Bibi .....	1172
Islam, Dakwah Dan Pembangunan Berteraskan Islam Yusrizal Zainal Abidin.....	1192
Indeks Pembangunan Di Negara Brunei Darussalam: Kedudukan Dan Hala Tuju Wan Norhaniza Wan Hasan.....	1209
Keterhadan Sumber Alam Dalam Ekonomi Islam Arus Perdana Mohd Zulkifli Muhammad .....	1218
Pendekatan Pembangunan Kerohanian Rasulullah Saw: Satu Tinjauan Dalam Sirah Rasulullah Saw Dengan Rujukan Khas Kepada Kitab Rahiq Al-Makhtum Khairunnisa Mansor .....	1237
<b>ISLAMIC MARKETING &amp; ZAKAT INSTRUMENT .....</b>	<b>1250</b>
Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Usahawan Asnaf Di Baitul Mal Aceh: Satu Analisis Muhammad Haris Riyaldi .....	1251
Mekanisme Pengagihan Zakat Kepada Golongan Asnaf Menurut Kitab Al-Amwal Karya Abu 'Ubayd Rohida Ismail .....	1268
Faktor-Faktor Kejayaan Dalam Kalangan Usahawan Asnaf Di Lembaga Zakat Selangor (LZS) Ku Nor Ashikin Ku Ahmad Zamri.....	1280

Pengurusan Perniagaan Saudara Baru: Kajian Kes Di Pulau Pinang Abdullah Mohd Noor .....	1294
Relationship-Based In Competitive Marketing Strategy From Islamic Perspective: A Preliminary Study Murni Yusoff.....	1308
Kriteria-Kriteria Periklanan Dari Perspektif Islam Teuku Meldi Kesuma.....	1316
Kaedah Latihan Dan Kepimpinan Di Institusi Bank Syariah Kes Studi Ke Atas Bank Syariah Di Kota Medan Azuar Juliandi .....	1334
<b>RESEARCH METHODOLOGY .....</b>	<b>1345</b>
الْحَادِثُ وَخَبْرُهُ تَعَالَى اللَّهُ رَحْمَهُ الشَّافِعِيُّ الْإِمَامُ Dr Muhammad Ilyas .....	1346
Kepentingan Unsur-Unsur Utama Alam Sekitar Menurut Tafsir Al-Misbah 'Imaaduddin Abdul Halim .....	1360
Kaedah Penyelidikan Ekonomi Islam: Suatu Cadangan Penyelidikan Nur Ilani Mat Nawi .....	1374
Penaakulan Mantik Imam Abu Hanifah Shahir Akram Hassan.....	1389
Penggunaan Konsep Sanad Dalam Pengumpulan Data Bagi Penyelidikan Berkaitan Islam: Satu Tinjauan Awal Nor Hanani Ismail.....	1399
Kedudukan Dan Kepentingan Usul Fiqh Dalam Proses Penfatwaan Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin.....	1412

# PENAAKULAN MANTIK IMAM ABU HANIFAH<sup>1</sup>

Shahir Akram Hassan<sup>2</sup>

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

## Abstrak

Kertas kerja ini berhasrat mengenal pasti dan menganalisis kaedah penaakulan mantik yang diguna pakai oleh Imam Abu Hanifah terutamanya dalam menyatakan perkara-perkara yang tidak dapat dilihat seperti dalam perkara ghaib dan yang berkaitan tentang ketuhanan. Penaakulan di sini bermaksud peralihan pemikiran melalui beberapa pernyataan yang diandai benar sehingga terbentuk satu pernyataan. Persoalannya bagaimanakah Imam Abu Hanifah menaakul perkara-perkara ghaib dan yang berkaitan tentang ketuhanan? Adakah beliau hanya berhujah menggunakan al-Qur'an dan Hadith atau ada juga beliau membuat penaakulan menggunakan logik akal? Kertas kerja ini berhasrat menjawab kedua-dua persoalan tersebut menerusi analisis tekstual terhadap beberapa literatur. Kertas kerja ini akan menfokuskan kepada dua perkara utama. Pertama, mengenal pasti kaedah penaakulan mantik Imam Abu Hanifah dalam berhujah. Kedua, menganalisis kaedah penaakulan yang digunakan oleh Imam Abu Hanifah dalam berhujah tentang perkara-perkara ghaib dan yang berkaitan tentang ketuhanan untuk berhujah dalam penyelidikan berkaitan Islam. Dalam perkara pertama, dapat dikenal pasti sekurang-kurangnya terdapat tiga peristiwa Imam Abu Hanifah berhujah menggunakan akal seperti peristiwa berhujah dengan penganut mazhab Dahri, seorang Atheis dan seorang Syiah. Dalam ketiga-tiga peristiwa ini, Imam Abu Hanifah menggunakan kaedah *tamthil* dan *al-qiyas*. Dalam perkara kedua pula, akan dirumuskan bahawa kaedah penaakulan, pembuktian dan penghujahan yang digunakan oleh Imam Abu Hanifah dapat menjelaskan perkara-perkara ghaib dan yang berkaitan tentang ketuhanan.

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan di *The 7<sup>th</sup> International Graduate Workshop (INGRAW 2012)* pada 30-31 Oktober 2012, anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) dengan kerjasama Institut Pengajian Siswazah (IPS), Universiti Sains Malaysia.

<sup>2</sup> Shahir Akram Hassan merupakan calon Ijazah Kedoktoran di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Beliau juga merupakan Felo RLKA (Rancangan Latihan Kakitangan Akademik) di Bahagian Pengurusan Pembangunan Islam (PPI), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.

## PENDAHULUAN

Dalam menerangkan tentang Islam, adakalanya sesetengah pihak akan berdepan dengan kesukaran untuk menerangkan dalil dan hujah yang digunakan. Terutamanya apabila ingin menerangkan tentang perkara yang ghaib dan yang berkenaan dengan ketuhanan. Ditambah pula apabila berdepan dengan golongan yang tidak menerima Islam itu sendiri atau pun isi kandungan Islam seperti al-Qur'an dan hadith. Pilihan yang tinggal ialah menyatakan perkara yang ghaib dan berkenaan ketuhanan ini menggunakan hujah yang boleh diterima oleh akal. Di sinilah kaedah penaakulan memainkan peranan yang penting. Kertas kerja ini bertujuan mengkaji dua perkara. Pertama, mengenal pasti kaedah penaakulan mantik Imam Abu Hanifah dalam berhujah. Kedua, menganalisis kaedah penaakulan yang digunakan oleh Imam Abu Hanifah dalam berhujah tentang perkara-perkara ghaib dan yang berkaitan tentang ketuhanan untuk berhujah dalam penyelidikan berkaitan Islam. Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, kertas kerja ini akan membincangkan sejarah Imam Abu Hanifah, kisah-kisah Imam Abu Hanifah berdebat, analisis kaedah penaakulan mantik Imam Abu Hanifah dan kesimpulan.

## SEJARAH IMAM ABU HANIFAH

Pada zaman khalifah al-rasyidin, khalifah Umar telah menghantar seorang sahabat Rasulullah SAW bernama Abdullah bin Mas'ud atau lebih dikenali sebagai Ibn Mas'ud (Ibrahim Abd al-Rahman Ibrahim, 1999). Ibn Mas'ud merupakan seorang periwayat hadith yang masyhur dan juga seorang yang banyak mengetahui tentang hukum fiqah. Antara para sahabat Rasulullah SAW, Ibn Mas'ud mempunyai aliran perundangan tersendiri, selain daripada Ibn Abbas, Ibn Umar dan Ibn 'Amr.

Sebenarnya terdapat dua aliran fiqah yang mempunyai pendekatan yang sedikit berbeza. Ibn Mas'ud secara amnya agak tegar (*rigid*), manakala Ibn Abbas lebih fleksibel. Walaupun seorang pakar hadith dan fiqah yang masyhur, Ibn Mas'ud sebenarnya seorang yang amat berhati-hati dalam menyebarkan hadith. Ibn Mas'ud lebih gemar merumuskan hadith Nabi SAW kepada pandangan fiqah. Pada pendapat beliau, tidak menyebarkan hadith Nabi SAW adalah lebih baik daripada tersilap menyebarkan perkara yang bukan daripada Nabi SAW. Prinsip tegar Ibn Mas'ud inilah sebenarnya banyak mempengaruhi aliran mazhab Hanafi (Ibrahim Abd al-Rahman Ibrahim, 1999).

Datangnya Ibn Mas'ud ke Kufah telah menghasilkan murid yang menjadi ulama terkemuka zaman tabi'in seperti 'Alqamah al-Nakh'ie, Masruq al-Hamdan, al-Qadi Syurayh, Ibrahim al-Nakh'ie, Amir al-Sya'bi dan Hammad Bin Abu Sulaiman.

Di bandar Kufah ini jugalah, lahirnya mazhab Hanafi yang berasaskan kepada pemikiran

Imam Abu Hanifah. Nama sebenarnya ialah Nukman bin Thabit. Imam Abu Hanifah merupakan murid kepada Hammad Ibn Abu Sulaiman (Al-Soimari, 1985). Nukman sebenarnya seorang peniaga kain dan seorang usahawan yang aktif di pasar. Beliau juga seorang yang pintar dan sarjana. Gabungan kesarjanaan dengan pemikiran usahawan ini menghasilkan suatu pemikiran yang begitu luar biasa (Al-Zahabi, 1999). Beliau mempunyai kemampuan yang hebat dalam aspek *qiyas* (analogi) dan *istihsan* (pemikiran ekuiti). Aliran pemikiran beliau dikenali sebagai aliran *al-ra'y* atau ahli *al-ra'y* atau "aliran pemikiran".

Maksud pemikiran ahli *al-ra'y* ialah pemikiran berdasarkan logikal dan analogi, berbanding pemikiran berasaskan sumber nas. Lawan kepada pemikiran aliran ahli *al-Ra'y* adalah *Ahli al-Hadith*. *Ahli al-Hadith* lebih menggunakan sumber daripada sirah dan sejarah Rasulullah SAW berbanding mengutamakan penggunaan interpretasi akal.

Antara sebab yang dilihat mengapa Imam Abu Hanifah lebih banyak menggunakan kaedah *qiyas*, atau analogi logikal dan *istihsan* (perubahan hukum) ialah kerana kedudukannya di Kufah adalah jauh dengan Mekah dan Madinah. Mekah dan Madinah merupakan pusat pengajian Sunnah dan Hadith Rasulullah. Sebab itu, menurut kaedah Imam Abu Hanifah, seandainya terdapat dalil yang kurang diyakini datang daripada Rasulullah SAW, beliau lebih mengutamakan *qiyas*, atau kaedah analogi (Ibrahim Abd al-Rahman Ibrahim, 1999).

Nama sebenar Imam Abu Hanifah dilahirkan pada masa pemerintahan Al Khalid bin Abd Malik. Beliau berketurunan Parsi pada 80 H dan meninggal 150 H. Beliau memulakan kehidupannya sebagai peniaga sutera akan tetapi berpindah untuk menuntut ilmu dan berguru dengan ulama-ulama terkenal pada masa itu seperti al-Syeikh Hammad bin Abi Sulaiman yang telah mewarisi ilmu daripada Abdullah bin Mas'ud seorang sahabat yang terkenal dalam bidang fiqh dan *Ra'y*. Selain daripada itu Imam Abu Hanifah juga berguru dengan Imam Zaid bin Ali Zainal Abidin dan Ja'far al-Sadiq (Al-Zahabi, 1999).

Sejak dari zaman kanak-kanak lagi beliau telah mengkaji dan menghafal Al-Quran. Untuk mendalami lagi ilmu pengetahuannya tentang Al-Quran, beliau telah berguru dengan Imam Abu A'sim iaitu seorang ulama yang terkenal pada waktu itu. Beliau juga mempelajari ilmu Fiqah daripada sahabat-sahabat Nabi SAW, seperti daripada Anas bin Malik, Abdullah bin Aufa, Abu Tufail bin Amir dan ramai lagi. Daripada sahabat-sahabat ini juga beliau mempelajari ilmu hadith. Beliau sangat tekun dalam mempelajari ilmu Fiqah daripada seorang ulama yang terkenal pada waktu itu iaitu Hammad bin Abu Sulaiman tidak kurang dari 18 tahun. 10 tahun selepas kematian gurunya, beliau berangkat ke Mekah pula. Di sana beliau berguru dengan salah seorang murid Abdullah bin Abbas r.a (Al-Soimari, 1985).

Imam Abu Hanifah banyak dikritik ulama lain kerana dikatakan telah mengutamakan pendapat (*ra'yī*) daripada hadith. Hal ini dibantah oleh sebagian ulama bahawa beliau lebih banyak menggunakan pendapatnya sendiri daripada hadith kerana pada masa itu penipuan hadith sangat berleluasa dan beliau takut terambil hadith yang palsu (Ibrahim Abd al-Rahman Ibrahim, 1999).

Manhaj Imam Abu Hanifah dalam fiqah amat jelas. Beliau akan mengembalikan segala persoalan kepada Al-Qur'an kemudian al-Sunnah. Jika tiada dalam al-Qur'an atau al-Sunnah, beliau akan merujuk *Aqwal al-Sahabah* iaitu pendapat para sahabat Nabi (Al-Soimari, 1985). Namun, apabila sesuatu perkara tersebut tidak pernah dibincangkan sebelumnya maka beliau akan berijtihad, iaitu dengan mengikut *Qiyas* dan *Istihsan*. Ijtihad telah dibenarkan sejak zaiman Nabi SAW lagi, ketika Rasulullah SAW mengutus Muaz bin Jabal ke Yaman beliau bertanya: "Bagaimana cara engkau dalam berhukum?", Muaz Bin Jabal menjawab, "Dengan merujuk kepada Kitab Allah", "Bagaimana kalau tiada dalam kitab Allah?", "maka dengan merujuk kepada Sunnah Rasulullah", "Bagaimana kalau tidak ada?", "maka aku akan berijtihad dengan betul" (*Sunan Abu Dawud: Hadith No. 3592*).

Imam Abu Hanifah terkenal sebagai seorang yang sangat dalam ilmunya, ahli zuhud, tawaduk dan sangat teguh memegang ajaran agama. Beliau tidak tertarik kepada jawatan rasmi kerajaan dengan sebab beliau pernah menolak jawatan hakim yang ditawarkan oleh Khalifah Al Mansur. Diriwayatkan kerana penolakannya, beliau dipenjarakan hingga ke akhir hayatnya. Beliau wafat pada usia 70 tahun dan dimakamkan diperkuburan Khizra. Pada tahun 450 H / 1066 M didirikan sebuah sekolah agama yang dinamakan *Jami' Abu Hanifah* (Al-Zahabi, 1999). Diantara kitab karangan beliau seperti *Al-Musu'un*, *Al Makha'rīj* dan *Fiqh Akbar*.

## KISAH IMAM ABU HANIFAH BERDEBAT

Banyak kisah yang diriwayatkan tentang Imam Abu Hanifah berdebat tentang Islam. Namun sekurang-kurangnya terdapat tiga peristiwa Imam Abu Hanifah berhujah menggunakan akal seperti peristiwa berhujah dengan sekumpulan penganut mazhab Dahri, seorang Atheis dan seorang Syiah. Tiga peristiwa ini Terdapat Imam Abu Hanifah berdebat tentang ketuhanan atau perkara yang ghaib.

Peristiwa pertama ialah perdebatan antara Abu Hanifah dengan sekumpulan penganut mazhab Dahri (Yusuf al-Dajwi, 1982). Mereka bertanya kepada Imam Abu Hanifah: "Pada tahun bilakah Tuhan wujud?". Imam Abu Hanifah menjawab: "Tuhan wujud sebelum tarikh dan masa yang tiada pertama dalam kewujudannya". Imam Abu Hanifah bertanya kepada mereka : "Nombor apakah sebelum empat?". Mereka berkata: "Tiga."

Imam Abu Hanifah bertanya kepada mereka: "Sebelum tiga?" Mereka berkata: "Dua." Imam Abu Hanifah bertanya kepada mereka: "Sebelum dua?" Mereka berkata: "Satu." Imam Abu Hanifah bertanya kepada mereka: "Apakah sebelum satu?" Mereka berkata: "Tiada apa sebelumnya." Dia berkata kepada mereka: "Jika satu aritmetik tiada di apa sebelumnya, bagaimanakah dengan satu yang hakiki (kesaan tuhan) iaitu Allah yang sedia (*qadim*) tiada permulaan bagi kewujudannya." (Yusuf al-Dajwi, 1982).

Mereka bertanya lagi: "Ke arah manakah Tuhan menghadap?" Imam Abu Hanifah bertanya kepada mereka: "Jika kamu mendatangkan lampu minyak tanah di tempat yang gelap, ke arah manakah cahaya itu bergerak?" Mereka berkata: "Ke mana-mana sahaja (seluruh arah)." Imam Abu Hanifah bertanya kepada mereka: "Jika cahaya buatan manusia bergerak ke mana-mana, bagaimana *cahaya* (pemilik) langit dan bumi?" Mereka berkata: "Beritahulah kepada kami apa-apa tentang Tuhan? Adakah ia keras seperti besi atau cecair seperti air? Atau bersifat seperti gas atau asap dan wap?" (Yusuf al-Dajwi, 1982).

Imam Abu Hanifah bertanya kepada mereka: "Adakah kamu pernah duduk di sebelah pesakit yang nazak?" Mereka berkata: "Ya, kami pernah duduk." Imam Abu Hanifah bertanya kepada mereka: "Adakah pesakit itu bercakap memberitahu anda selepas kematian?" Mereka berkata: "Dia (pesakit) tidak lakukan." Imam Abu Hanifah bertanya kepada mereka: "Adakah sebelum kematian pesakit itu bercakap dan bergerak?" Mereka berkata: "Ya." Imam Abu Hanifah bertanya kepada mereka: "Apa lagi?" Mereka berkata: "Selepas itu, ruh keluar daripada jiwanya." Imam Abu Hanifah bertanya kepada mereka: "Dibawa keluar jiwanya?" Mereka berkata: "Ya." (Yusuf al-Dajwi, 1982).

Imam Abu Hanifah bertanya kepada mereka: "Sifatkan kepada saya tentang roh ini? Adakah keras seperti besi atau cecair seperti air? Atau bersifat seperti gas atau asap dan wap?" Mereka berkata: "Kami tidak tahu apa-apa tentang hal itu!" Imam Abu Hanifah bertanya kepada mereka: "Jika makhluk roh anda tidak boleh mengetahui apakah keadaan mereka, bagaimana anda mahu saya menerangkan kepada anda tentang zat ketuhanan?" (Yusuf al-Dajwi, 1982).

Peristiwa di atas merujuk kepada persoalan akidah berkenaan bilakah Tuhan wujud? Ke arah manakah Tuhan menghadap?, dan bagaimanakah zat Tuhan? Ketiga-tiga persoalan ini adalah berkaitan perkara ghaib dan berkenaan ketuhanan. Imam Abu Hanifah tidak menjawab secara literal dengan mendatangkan ayat al-Qur'an dan al-hadith berkenaan persoalan tersebut. Namun Imam Abu Hanifah membala dengan persoalan yang memberi misalan dengan apa yang berada di sekeliling mereka.

Pada waktu yang lain, Imam Abu Hanifah langsung tidak sempat diberikan soalan, namun beliau sejak daripada awal-awal lagi telah mematikan hujah pihak lawan. Contohnya pada ketika seorang Atheis telah mengajak Imam Abu Hanifah untuk berdebat. Pada suatu hari, Imam Abu Hanifah mempunyai temu janji dengan seorang Atheis. Pada hari dan waktu yang dijanjikan, Imam Abu Hanifah sengaja pergi lewat. Ketika ditanya kenapakah beliau lewat, Imam Abu Hanifah bercerita: "Dalam perjalanan aku ke mari, aku tidak mempunyai kenderaan untuk melintasi sungai. Sedang aku berfikir, bagaimanakah untuk menyeberangi sungai, tiba-tiba terdapat beberapa batang pokok rebah ke tanah dengan sendirinya. Kemudian pokok itu terpotong dan bergabung dengan sendirinya membentuk sebuah bot. Kemudian datang paku dengan sendiri untuk memakukan dirinya pada bot tersebut. Setelah siap, aku pun datang menyeberangi sungai menaiki bot tersebut." Setelah mendengar penjelasan Imam Abu Hanifah yang panjang lebar, Atheis itu menyatakan bahawa dakwaan Imam Abu Hanifah adalah tidak masuk akal. Bagaimanakah sebuah bot boleh terhasil dengan sendirinya tanpa ada tukang kayu menghasilkan bot? Kemudian Imam Abu Hanifah berhujah, bagaimanakah kamu boleh menerima teori bahawa alam semesta ini tercipta dengan sendiri tanpa ada Pencipta? Adakah ia masuk akal? Inilah antara peristiwa kebijaksanaan Imam Abu Hanifah menang berdebat sebelum majlis debat itu dimulakan (Ibn Abi al-'Izz, 1990).

Dalam satu kisah yang lain, Imam Abu Hanifah ada terdengar tohmahan daripada seorang Syiah terhadap Sayidina Uthman Bin Affan. Si Syiah tadi mengatakan bahawa Sayidina Uthman Bin Affan adalah seorang Yahudi. Mendengarkan hal tadi, Imam Abu Hanifah pergi berjumpa lelaki Syiah tadi. Imam Abu Hanifah menyatakan bahawa beliau ingin meminang anak perempuan lelaki Syiah itu. Beliau menyatakan bahawa pinangan beliau adalah untuk seorang lelaki yang sangat kacak, daripada keturunan yang mulia, kaya, menghafaz al-Qur'an, rajin berjaga malam untuk tahajjud, dan banyak menangis kerana takutkan Allah. Namun satu sahaja masalahnya, iaitu pemuda itu adalah seorang Yahudi. Mendengarkan hal itu, lelaki tadi menjadi marah dan bertanya kepada Imam Abu Hanifah, "Bagaimanakah kamu hendak mengahwinkan seorang wanita muslimah dengan seorang lelaki Yahudi? Adakah ia halal dari sudut syara?". Setelah mendengarkan perkara itu, Imam Abu Hanifah bertanya kembali kepada lelaki Syiah itu, "Bagaimanakah Rasulullah SAW mengahwinkan dua orang anaknya kepada Uthman Bin Affan dan engkau mendakwa bahawa Uthman Bin Affan adalah seorang Yahudi?".

## **ANALISIS KAEADAH PENAAKULAN MANTIK IMAM ABU HANIFAH**

Daripada kisah-kisah yang disebutkan sebelum ini, kaedah penaakulan Imam Abu Hanifah dapat dianalisis daripada tiga perkara. Pertama, jenis penghujahan yang diguna

pakai. Kedua, kaedah pendalilan. Ketiga, kaedah penaakulan yang digunakan dalam penghujahan.

Dalam kisah-kisah sebelum ini, dapat dilihat dengan jelas bahawa Imam Abu Hanifah menggunakan kaedah berdebat (*jadal*). Imam Abu Hanifah menggunakan *qiyas* yang tersusun daripada premis-premis masyhur yang berbeza kerana perbezaan waktu dan tempat atau kelompok sehingga premis itu dianggap benar menurut orang yang tertentu dan yang beradu alasan (H. Syukriadi Sambas, 2003). Perkara tersebut amat bersesuaian dengan tujuan hujah aqli *jadal* iaitu untuk memaksa lawan dan memberikan kepuasan kepada orang yang sempit pengetahuannya dengan alasan yang diterima (al-Shanqiti, 2007).

Menurut ilmu mantik hujah ada dua jenis. Pertama hujah Naqli. Hujah Naqli ialah hujah yang dipindahkan daripada wahyu. Hujah Naqli ini dibahagikan kepada dua iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Al-Qur'an dan al-Sunnah ini merupakan sumber utama wahyu itu sendiri. Kedua, hujah Aqli. Hukah aqli ialah hujah yang didapati daripada akal. Di bawah hujah Aqli terdapat perbincangan yang sedikit panjang (Ahmad Damanhuri, 2006). Di bawah hujah aqli terdapat lima sumber iaitu hujah *burhan*, hujah *jadal*, hujah *khitobah*, hujah *sya'r* dan hujah *sufastah* (al-Shanqiti, 2007).

Kaedah pendalilan yang dipakai oleh Imam Abu Hanifah pula amat mirip kepada kaedah pendalilan yang digariskan oleh Imam al-Ghazali (2003) dalam kitabnya *al-Iqtisod Fi al-I'tiqad*. Al-Ghazali menggariskan tiga kaedah pendalilan yang digunakan oleh beliau dalam menulis kitab tersebut. Pertama, carian dan pengklasifikasian (*al-Sabru wa al-taqsim*). Carian dan pengklasifikasian ialah menghadkan kepada dua perkara tertentu dan membatalkan hujah yang pertama sekali gus mengangkat hujah yang kedua sebagai betul. Kedua, membuktikan dua perkara yang membawa kesan daripada yang pertama. Jika seseorang mengakui perkara tersebut maka untuk tidak mengakui sesuatu dakwaan adalah mustahil. Contohnya sesuatu yang berubah itu adalah bersifat baru. Maka adalah mustahil alam itu bersifat sedia (*gadim*). Ketiga, tidak semestinya terikat dengan membuktikan kebenaran hujah yang dibawa, namun sudah cukup dengan membuktikan bahawa dakwaan yang didatangkan adalah mustahil. Dalam perkara ini, Imam Abu Hanifah telah menggunakan ketiga-tiga kaedah yang dinyatakan.

Kaedah Penaakulan yang diguna pakai oleh Imam Abu Hanifah ialah *qiyas*. Dalam menjelaskan *qiyas*, *tamthil* yang boleh difahami oleh akal yang bertanya digunakan. *Qiyas* yang dimaksudkan di sini ialah dari sudut mantik. *Qiyas* ialah formula formaliti untuk membuktikan kebenaran sesuatu yang telah diketahui sebelum ini (al-Midani, 1993). *Qiyas* juga boleh ditakrifkan sebagai peralihan pemikiran melalui beberapa pernyataan yang diandai benar sehinggalah terbentuk satu pernyataan (H. Syukriadi

Sambas, 2003). *Tamthil* pula ialah perkataan pengarang ke atas sesuatu perkara yang mengandungi persamaan sebahagian daripada satu yang lain pada *illah* sesuatu hukum (al-Midani, 1993). *Tamthil* bagi ulama usul fiqah ialah *al-qiyas*. Bagi ahli kalam pula ia dinamakan membawa perkara yang ghaib kepada sesuatu yang boleh dilihat (*Raddu al-ghaib 'ala al-syahid*). Pada dasarnya, *qiyas* dan *tamthil* adalah dua perkara yang hampir serupa. Namun jika diperbincangkan secara lebih mendalam, penggunaan dan syaratnya adalah berbeza.

Dalam kes Imam Abu Hanifah, beliau mendatangkan *tamthil* dalam bentuk *qiyas* secara serentak. Imam Abu Hanifah banyak membincangkan perkara-perkara akidah dan beliau menerangkan perkara yang ghaib melalui perkara yang dapat dilihat. Oleh kerana keperluan dalam berhujah adalah untuk mematahkan hujah lawan, maka beliau mendatangkan *tamthil* itu dalam bentuk *qiyas*. Secara tidak langsung *tamthil* yang didatangkan itu bukan sekadar sebagai penerangan atau misalan, namun dapat mematahkan hujah lawan secara sekali gus.

## KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas sekurang-kurangnya empat perkara dapat disimpulkan. Pertama, kaedah penaakulan Imam Abu Hanifah adalah penghujahan secara berdebat. Beliau banyak dicabar oleh golongan yang meragui Islam dan terperangkap dengan logik akal semata-mata. Kedua, kaedah pendalilan yang digunakan oleh Imam Abu Hanifah bertepatan dengan kaedah yang digariskan oleh al-Ghazali (2003) walau pun al-Ghazali datang selepas Imam Abu Hanifah. Ketiga, dalam menaakul sesuatu yang ghaib dan perkara bekaitan ketuhanan, Imam Abu Hanifah banyak menggunakan *qiyas*. Keempat, walau pun *qiyas* mempunyai banyak takrifan berdasarkan bidang, namun dalam kes perdebatan berkenaan perkara-perkara ghaib dan perkara yang berkaitan ketuhanan, takrifan dan kaedah dalam ilmu akidah diguna pakai. Malah *qiyas* yang digunakan adalah lebih kuat untuk digunakan dalam berdebat kerana ia bukan sahaja dapat menyatakan perkara yang ghaib kepada sesuatu yang dapat dilihat, malah pada masa yang sama ia dapat mematahkan hujah lawan.

## BIBLIOGRAFI

Al-Quranul Karim

Abu Abdullah Muhammad Ahmad Muhammad 'Ulaisy. (1877). *Idhah Ibda' Hikmah al-Hakim Fi Bayan Bismillahi al-Rahman al-Rahim*. Mesir: Matba'ah al-Wahbiah.

Al-Ghazali, Abu Hamid. (2003). *Al-Iqtisad Fi al-I'tiqad*. Beirut: Dar Qutaibah.

- Al-Ghazali, Abu Hamid. (2010). *Ihya al-Ulum al-Din*. Beirut: Dar Sodir.
- Al-Midani, Abdul Rahman Hassan Habannakah (1993). *Dowabit al-Ma'rifah*. Damsyik. Dar al-Qalam.
- Al-Muhasibi, al-Harith Ibn Asad. (1971). *Al-Aql Wa Fahmi al-Quran*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Jurjani, Ali Muhammad al-Syarif. (2000). *Al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sa'diy, Abdul Malik Abdul Rahman. (2007). *Syarah al-Nasafiyah Fi al-Aqidah al-Islamiyah*. Amman: Matba'ah al-Azhar.
- Al-Shanqiti, Muhammad Bin Mahfuz Bin Mukhtar Fal. (2007). *Al-Dhau al-Musyriq Ala Sullam al-Mantiq*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Soimari, Hussain Bin Ali. (1985). *Akhbar Abi Hanifah Wa Ashabih*. Beirut: 'Alim al-Kutub.
- Al-Quasini, Hassan Darwish. (t.t). *Syarah 'Ala Matn al-Sullam Fi al-Mantik*. Rabat: Maktabah Dar al-Iman.
- Al-Zahabi, Muhammad Bin Ahmad Bin Uthman. (1999). *Manaqib al-Imam Abi Hanifah*. Beirut: Lajnah Ihya al-Maarif al-Nu'maniyah.
- Abdul Halim Mahmud. (1995). *Islam dan Akal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Damanhuri. (2006). *Idah al-Mubham Fi al-Ma'ani al-Sullam*. Beirut: Maktabah al-Ma'rif.
- H. Syukriadi Sambas. (2003). *Mantik Kaidah Berpikir Islami*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Ibn Abi al-'Izz, Ali Bin Ali Bin Muhammad. (1990). *Syarah al-Aqidah al-Thohawiyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibnu Sina. (1992). *Al-Najat Fi al-Mantiq Wa al-Ilahiyyat*. Beirut: Dar al-Jil Li al-Nashr Wa al-Tauzi'.

- Ibrahim Abd al-Rahman Ibrahim. (1999). *Al-Madkhal Lidirasah al-Fiqh al-Islamiy*. Jarsh: Dar al-Thaqofah.
- Muhammad Taqiy al-Mudarrisi. (1992). *Al-Mantiq al-Islami: Usuluhi Wa Manahijuhi*. Kaherah: *Dar al-Bayan Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr*.
- Sulaiman bin al-'Asy'ath al-Sijistaniy. (t.t). *Sunan Abu Dawud*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Yusuf al-Dajwi. (1982). *Mafahim al-Islamiyyah: Maqalah Wa Fatwa al-Sheikh Yusuf al-Dajwi*. Kaherah: Mujamma' al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Yusuf al-Qardhawi. 1998. *Al-Quran Berbicara Tentang Akal dan Ilmu Pengetahuan*, terj. Abdul Hayyie al-Kattani, Irfan Salim & sochimien MH. Jakarta: Gema Insani Press.

# **STRATEGI PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM MENURUT ILMU MANTIK<sup>1</sup>**

**SHAHIR AKRAM HASSAN<sup>2</sup>**

Calon Ijazah Kedoktoran

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

E-mel: shahir\_isdev@yahoo.com

Tel: 04-653 2910; Faks: 04-653 2124

## **ABSTRAK**

Kertas kerja ini tertumpu kepada perbincangan tentang strategi penyelidikan berteraskan Islam menurut ilmu mantik. Dalam penyelidikan lazim, sesuatu penyelidikan yang dibuat mestilah bersifat logik dan rasional. Untuk menjadikan sesuatu penyelidikan itu logik dan rasional, kebiasaanannya sesuatu penyelidikan akan menggunakan kaedah induktif atau kaedah deduktif. Kaedah induktif ialah strategi kajian yang membuat rumusan umum daripada hasil-hasil yang khusus. Kaedah deduktif pula ialah strategi yang melakukan rumusan yang khusus daripada hasil-hasil yang umum. Persoalannya adakah induktif dan deduktif ini sesuai dijadikan strategi untuk penyelidikan berkaitan Islam? Adakah penyelidikan berkaitan Islam boleh dilakukan secara induktif atau deduktif? Atau adakah terdapat strategi penyelidikan yang lain selain daripada induktif dan deduktif ini? Kenapa tidak strategi penyelidikan berteraskan Islam diambil daripada ilmu yang berasal daripada logik Islam (mantik)? Kertas kerja ini akan menjawab persoalan-persoalan ini melalui dua objektif. Pertama, mengenal pasti strategi penyelidikan berteraskan Islam menurut ilmu mantik. Kedua, menganalisis strategi penyelidikan berteraskan Islam menurut ilmu mantik untuk kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Kertas kerja ini akan dibuat menggunakan kajian perpustakaan dan analisis kandungan. Hasil kajiannya akan memaparkan bahawa menurut ilmu mantik terdapat tiga strategi yang boleh digunakan. Tiga strategi tersebut ialah *istiqra*, *qiyyas* dan *tamthil*. *Tamthil* juga dikenali sebagai *qiyyas usuli*. Hasil analisis juga mendapati *istiqra*, *qiyyas* dan *tamthil* lebih mendalam dan membawa kepada ilmu *yakin*.

---

1 Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Antarabangsa Pengurusan Islam (WAPI 6), anjuran Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara, pada 21 hingga 27 April 2013, di Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara.

2 Shahir Akram Hassan merupakan calon Ijazah Kedoktoran di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Beliau juga merupakan Felo RLKA (Pengangguran Latihan Kakitangan Akademik) di Bahagian Pengurusan Pembangunan Islam (PPI), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.

## ENDAHULUAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan strategi penyelidikan dalam penyelidikan berteraskan Islam. Strategi penyelidikan yang dimaksudkan ialah cara yang pelbagai untuk menjawab persoalan kajian dengan menentukan titik mula, langkah-langkah yang perlu diambil dan satu titik tamat (Blaikie, 2009). Mengikut amalan penyelidikan lazim, sekurang-kurangnya dapat empat strategi penyelidikan dalam penyelidikan Sains Sosial. Empat strategi tersebut ialah induktif, deduktif, retroduktif dan abduktif (Blaikie, 2009 & Reevany Bustamy et al, 2006). Namun dua strategi utama yang biasa digunakan ialah induktif dan deduktif. Retroduktif dan deduktif pula timbul hasil daripada perbezaan diperengkat falsafah (Reevany Bustamy et al, 2006). Walau pun induktif dan deduktif kebiasaanya digunakan sebagai satu kaedah penaakulan dalam ilmu logik atau mantik. Namun jika disebut induktif dan deduktif dalam konteks kaedah penyelidikan ia dinamakan strategi penyelidikan kerana induktif atau deduktif akan menentukan falsafah, prosedur, langkah-langkah atau instrumen yang akan digunakan dalam jalankan penyelidikan.

Agi mencapai objektif yang ditetapkan, kertas kerja ini akan membincangkan sekurang-kurangnya tiga perkara. Pertama, strategi penyelidikan lazim. Kedua, strategi penyelidikan berteraskan ilmu mantik. Ketiga, analisis strategi penyelidikan berteraskan Islam menurut ilmu mantik. Strategi penyelidikan lazim dibincangkan sebagai gambaran awal kepada strategi penyelidikan yang diguna pakai kini. Perbincangan berkenaan strategi penyelidikan lazim walaupun perlu kerana setelah difahami apakah itu strategi penyelidikan, barulah dilihat adakah ia dapat dalam ilmu mantik. Tambahan pula, mungkin terdapat persamaan pada strategi penyelidikan lazim dan Islam dari sudut nama jika diterjemah secara literal. Namun kertas kerja akan membuktikan terdapat perbezaan antara strategi penyelidikan lazim dan strategi penyelidikan Islam.

Strategi penyelidikan berteraskan Islam menurut ilmu mantik pula merupakan objek bincangan kertas kerja ini. Setelah difahami, barulah analisis strategi penyelidikan berteraskan Islam menurut ilmu mantik dapat dilakukan.

## STRATEGI PENYELIDIKAN LAZIM

dua strategi yang biasa digunakan dalam penyelidikan Sains Sosial lazim ialah deduktif dan induktif. Deduktif ialah penalaran daripada kesimpulan atau rumusan umum kepada kes-kes khusus. Sebaliknya induktif pula ialah penalaran daripada kes khusus kepada kesimpulan atau rumusan umum (Abdul Rahman Haji Abdullah, 2005).

edah deduktif merupakan satu kaedah penaakulan yang membawa kepada kesimpulan yang benar sekiranya berasaskan premis yang betul dan dengan penghujahan yang disusun baik. Oleh itu, penaakulan deduktif dapat menjamin kekuatan kesimpulan yang didapati dari bukti-bukti. Sekiranya premis yang digunakan adalah benar, penghujahan akan menghasilkan satu penalaran yang kuat dan kukuh. Ini menjadikan kaedah deduktif senang untuk dinilai sama ada sesuatu penaakulan deduktif itu baik atau tidak. Sekiranya penghujahan yang dipaparkan boleh diterima, ia dipanggil penghujahan yang benar. Sekiranya sesuatu penghujahan yang didatangkan tidak sah, ia dipanggil penghujahan yang tidak benar (Boyd, 2003).

Menurut Boyd (2003), deduktif mempunyai tiga ciri. Pertama, skop konklusi mestilah tidak melebihi skop pembuktian. Kedua, pembuktian yang disediakan mestilah merupakan asas kepada kesimpulan dan ketiga, kesimpulan mestilah benar sekiranya bukti-bukti yang didatangkan adalah benar. Daripada ciri-ciri yang dikemukakan, ia menggambarkan yang penaakulan deduktif akan menghasilkan kebenaran. Ia dikatakan benar kerana deduktif tidak menghasilkan pengetahuan yang baru. Ia kerana apa yang ada dalam premis, itulah yang akan didapati dalam kesimpulan. Ini bermakna tiada ilmu baru yang dihasilkan dan tiada perkembangan ilmu pengetahuan.

Banding deduktif, kaedah induktif bertujuan menghasilkan ilmu baru. Kaedah induktif yang nalar dari kes-kes khusus kepada kesimpulan atau rumusan umum pastinya akan menghasilkan ilmu baharu dan memperkembangkan lagi ilmu pengetahuan yang ada. Cuma oleh itu, kaedah induktif menghasilkan ilmu baru, maka kebenaran kesimpulan adalah tidak terjamin. Tiga ciri-ciri induktif adalah seperti berikut. Pertama, skop kesimpulan mestilah melebihi skop konklusi. Kedua, bukti yang dikemukakan tidak boleh dijadikan asas kepada kesimpulan. Ketiga,

leh jadi kesimpulan yang didapati tidak benar walaupun bukti-bukti yang dikemukakan adalah benar.

bagaimana berbezanya pengertian dan ciri-ciri deduktif dan induktif, begitu jugalah berbezanya instrumen-instrumen yang digunakan. Misalnya untuk proses deduktif, proposisi, penghujahan bersyarat, silogisme, penghujahan dan logik predikat. Untuk induktif pula, menerelisasi induktif, penghujahan melalui analogi, penaakulan statistik, penerangan, teori barangkalian, induktif enumeratif dan penaakulan sebab akibat (Kelley, 1998 & Boyd, 2003).

## **STRATEGI PENYELIDIKAN MENURUT ILMU MANTIK**

Menurut ilmu mantik pula, bagi mendapatkan keputusan atau mendatangkan dalil, sekurang-kurangnya terdapat tiga strategi yang boleh digunakan. Tiga strategi tersebut ialah *istiqra*, *qiyas* dan *tamthil*.

*Istiqra* jika diterjemah secara literal bermaksud induktif. Menurut ilmu mantik, *istiqra* ialah kajian yang dilakukan pada perkara-perkara yang *juziyyah* sepenuhnya atau sebahagian sepipadanya untuk sampai kepada hukum am yang mencakupi keseluruhannya (Abdullah, 1993). *Istiqra* terbahagi kepada dua. *Istiqra tam* dan *Istiqra naqish*. *Istiqra tam* ialah kajian yang dilakukan pada perkara-perkara yang *juziyyah* sepenuhnya. *Istiqra naqis* pula ialah kajian yang dilakukan kepada sebahagian daripada perkara-perkara yang *juziyyah*. *Istiqra* ini mempunyai tiga peringkat. Pertama peringkat percubaan dan mengambil perhatian (*al-Tajribah al-mulahazah*). Kedua, peringkat membuat hipotesis (*al-Furudh al-ilmiyyah*). Ketiga, peringkat mencapai hipotesis (*Tahqiq al-furudh*).

bezaan *Istiqra* dalam ilmu mantik dengan induktif dalam strategi penyelidikan lazim ialah pada peringkat ketiga. Dalam mencapai hipotesis, *istiqra* lazim menerima pakai kaedah *bawagi* manakala *Istiqra* dalam mantiq menggunakan kaedah *al-sabru wa al-taqsim* iaitu membuang dan mengasingkan hipotesis-hipotesis yang didapati tidak diterima. Kelemahan kaedah *bawagi* ialah bahawa hipotesis-hipotesis dapat dibuktikan, hipotesis yang tidak dapat dijelaskan dikira betul.

erbanding kaedah *al-sabru wa al-taqsim* tadi, ia lebih objektif dengan menyembunyikan dan engasingkan hipotesis-hipotesis yang tidak dapat dijelaskan (Habannakah, 1993).

*istiqra* adalah membuat kenyataan umum hasil daripada hipotesis-hipotesis yang berulang-ulang. Selain itu terdapat strategi yang berlawanan dengan *istiqra*, iaitu *qiyyas*.

*qiyyas* pula ialah merupakan kalimat yang tersusun dari beberapa *qhadhiyah*, jika *qhadhiyah* itu benar, maka lazim daripadanya menurut keadaan *qhadhiyah* itu, menimbulkan suatu *qhadhiyah* yang lain dan baru, seperti:

1. Besi itu, ialah logam.
2. Tiap-tiap logam ialah unsur.
3. Maka besi itu merupakan unsur.

Jalau diperhatikan sungguh-sungguh *qhadhiyah* yang tersusun dalam contoh ini, *qiyyas* menyandarkan sesuatu kepada sesuatu yang lain dengan perantaraan suatu yang ketiga (sebagai perantaraan) untuk menghubungkan keduanya.

Lasnya kita menyandarkan pada besi setelah disandarkan masing-masing kepada yang ketiga, iaitu logam, maka logam sebagai hal yang ketiga yang ada hubungannya atau persamaan yang sandarkan kepada masing-masing, dari besi dan unsur dan dengan perantaraan yang ketiga, dapat diambil kesimpulan bahawa hubungan antara besi dan unsur, maka sesungguhnya hal yang ketiga ini menurut hakikatnya sebagai ukuran yang dapat menghubungkan antara besi dan unsur. Dari sebab itu istidlal yang semacam ini disebut *qiyyas*.

Definisi *Qiyyas (Syllogisme)* ialah suatu pengambilan kesimpulan di mana kita menarik dua sifat keputusan (*qhadhiyah*) yang mengandung unsur bersamaan dan salah satunya harus benar. Keputusan ketiga yang kebenarannya sama dengan kebenaran yang ada pada kedua keputusan yang terdahulu itu.

*Qiyyas* merupakan perbandingan antara dua perkara dengan perkara yang ketiga, maka sesungguhnya *qiyyas* itu harus mengandung tiga lafaz. Dari ketiga lafaz itu tersusun tiga

*Qhadhiyah* seperti berikut. *Qhadhiyah* pertama, mengandung dan menisbahkan salah satu dari dua perkara kepada perkara yang ada persamaannya. *Qhadhiyah* yang kedua, mengandung atau menisbahkan perkara yang kedua kepada perkara yang ada persamaannya. *Qhadhiyah* yang ketiga, mengandung atas nisbah salah satu dari dua perkara kepada perkara yang lain (Ahmad Amanhuri, 2006).

lain daripada *istiqra* dan *qiyyas*, menurut ilmu mantik, terdapat kaedah yang ketiga iaitu *tamthil*. *Tamthil* ialah kata-kata pengarang pada *qhodiyah* yang mengandungi penerangan yang susyarakah (persamaan) *juz'i* bagi *illah qhodiyah* yang satu lagi. Oleh sebab itu, disabitkan hukum *qhodiyah* yang pertama kepada *qhodiyah* yang kedua. Contohnya, burung boleh terbang kerana mempunyai sayap. Sekiranya manusia mampu membuat sayap seperti burung, mampu mengepak dan mengawal arah seperti yang sepatutnya, maka manusia juga boleh terbang.

Untuk membuat *tamthil*, terdapat empat rukun. Pertama, asal. Kedua *al-Furu*. Ketiga, *Illah* yang engumpulkan sebab dibuat *tamthil*. Sama ada sebab yang zahir atau hukum yang disandarkan pada asal. Keempat, sebab zahir atau hukum asal bagi sesuatu perkara. Jika empat rukun tersebut dapat disempurnakan, maka barulah *al-Furu* dapat menggunakan hukum yang terdapat pada asal. *Tamthil* juga dikenali sebagai *qiyyas usuli* (al-Habannakah, 1993). Dinamakan *qiyyas usuli* kerana *qiyyas* dalam usul fiqah merupakan proses yang diambil daripada empat rukun *tamthil* tadi. Cuma yang membuatkan *qiyyas usulli* ini kuat kerana hukum asal atau sandaran asal diambil daripada nas sama ada al-qur'an atau hadis.

Hasilnya, Islam tidak menolak induktif dan deduktif secara umumnya. Namun secara lebih spesifik, *istiqra* dan *qiyyas* adalah lebih baik dan lebih sesuai dengan Islam dan orang Islam. Begitu juga *tamthil* yang telah digunakan secara meluas oleh ulama sejak dahulu lagi.

## NALISIS STRATEGI PENYELIDIKAN BERTERASKAN ISLAM MENURUT ILMU MANTIK

Dari pada tiga strategi penyelidikan menurut ilmu mantik, dua telah diamalkan dalam penyelidikan lazim. Induktif dan deduktif. Secara umumnya induktif dan deduktif hampir sama

ngan *istigra* dan *qiyyas*, namun tidak serupa. *Istigra* memang merupakan proses membuat generalisasi daripada hipotesis-hipotesis yang berulang, namun terdapat perbezaan dengan deduktif dalam penyelidikan lazim melalui *al-sabru wa taqsim* (Al-Habannakat, 1993). Deduktif la hampir menyerupai *qiyyas* dalam ilmu mantik, namun *qiyyas* dalam ilmu mantik mempunyai sifatbagai bentuk dan mempunyai *lawahiq al-qiyyas* sebagai instrumen untuk menilai *qiyyas* dan menjaga daripada melakukan kesilapan. *Tamthil* pula jarang digunakan sebagai satu strategi untuk menjalankan penyelidikan dalam kaedah penyelidikan lazim. Namun dengan sandaran sumber dalam Islam yang mencapai darjat yakin iaitu al-Qur'an dan hadis, *tamthil* boleh dijadikan strategi malah sumber hukum dalam Islam. Terutamanya dalam mendapatkan hukum yang tidak ada dalam nas, tapi dianalisis dan diambil hukum daripada nas yang hampir serupa dengannya berdasarkan beberapa syarat.

Dalam itu, keputusan akhir bagi setiap strategi juga perlu diambil kira. Dalam ilmu mantik, kurang-kurangnya terdapat empat kayu ukur ke atas sesuatu perkara. Pertama, *yakin*. Kedua, *zann*. Ketiga, *syak*. Keempat, *batil*. *Yakin* ialah apabila pengkaji pasti yang apa yang ketahuinya adalah sama dengan apa yang nyata. Ia pula disandarkan pada bukti yang kuat. *Zann* ialah apa yang menghampiri *yakin* sehingga hampir-hampir tiada yang mungkin dapat menyanggah perkara tersebut. Misalnya perkara-perkara yang melibatkan keadilan atau kelebihan. *Syak* ialah tahap di mana kemungkinan untuk benar atau salah berada pada tahap yang sama. Benar tidak dapat mengatasi yang salah. Salah pula tidak dapat mengurangkan yang benar. *Batil* ialah apa yang tidak sampai kepada tahap *yakin*, *zann* dan *syak*. Cuma menurut al-Habannakah (1993), *zann* ada dua. *Zann al-rajih* dan *zann al-marjuh*. *Zann al-rajih* ialah *zann* yang dekat dengan *yakin*. *Zann al-marjuh* ialah *zann* yang telah ditolak oleh *zann* yang *al-rajih*. Dudukannya jatuh di bawah *syak*.

Empat-empat kayu ukur ini menunjukkan yang setiap kenyataan atau ilmu dalam Islam, selaskan terlebih dahulu tahapnya. Jelasnya kedudukan mereka dalam sesuatu tahap, dapat menyusun kekuatan dan kedudukan sesuatu kenyataan atau ilmu. Hasilnya jelas bagaimanakah untuk menerima atau menolak sesuatu kenyataan atau ilmu itu. Untuk mendapatkan ilmu yang mencapai darjat *yakin* atau sekurang-kurangnya *zann al-rajih*. Di sinilah kekuatan tiga strategi penyelidikan berteraskan Islam itu tadi. Menurut al-Habannakah (1993) dan Ahmad Hassan

986) , *istiqra*, *qiyyas* dan *tamthil* jika dilakukan memenuhi syarat dan rukunnya, sekurang-kurangnya dapat menghasilkan pengetahuan tahap zann.

## ENUTUP

Uripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa sekurang-kurangnya terdapat tiga strategi penyelidikan menurut ilmu mantik. Tiga strategi penyelidikan menurut ilmu mantik ialah *istiqra*, *qiyyas* dan *tamthil*. Namun apa yang menjadi ukuran ialah setakat mana strategi tersebut dapat membawa kepada ilmu yakin atau sekurang-kurangnya ilmu peringkat *zhan*. Pentingnya strategi penyelidikan yang dapat membawa kepada ilmu yakin atau *zhan* supaya dapat manfaatkan sebagai pengetahuan kepada Islam dan umat Islam.

## **Ringhargaan**

Wartas kerja ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan yang bertajuk *Seni Penaakulan dalam Kaedah Penyelidikan Islam* dan telah dibiayai oleh Geran Research University Individual (RUI), Universiti Sains Malaysia (2012–2015) [(RUI)1001/PSOSIAL/816207].

## **BILIOGRAFI**

-Quranul Karim

Modul Rahman Hj Abdullah. (2005). *Wacana Falsafah Ilmu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Modul Rahman Hj Abdullah. (2007). *Falsafah Dan Kaedah Pemikiran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Ibn Abdallah Muhammad Ahmad Muhammad 'Ulaisy. (1877). *Idhah Ibda' Hikmah al-Hakim Fi Bayan Bismillahi al-Rahman al-Rahim*. Mesir: Matba'ah al-Wahbiah.

Miller, Emily Stier. (2008). *How It's Done: An Invitation to Social Research*. Belmont, Calif.: Thomson/Wadsworth.

Amad Damanhuri. (2006). *Idah al-Mubham Fi al-Ma'ani al-Sullam*. Beirut: Maktabah al-Ma'arif.

Amad Hasan. (1986). *Analogical Reasoning In Islamic Jurisprudence*. Islamabad: The Islamic Research Institute.

-Ghazali, Abu Hamid. (2010). *Ihya al-Ulum al-Din*. Beirut: Dar Sodir.

-Habannakah, Abdul Rahman Hassan. (1993). *Dowabit al-Ma'rifah*. Damsyik: Dar al-Qalam.

-Jurjani, Ali Muhammad al-Syarif. (2000). *Al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

-Quasini, Hassan Darwish. (t.t). *Syarkh 'Ala Matn al-Sullam Fi al-Mantik*. Rabat: Maktabah Dar al-Iman.

-Shanqiti, Muhammad Bin Mahfuz Bin Mukhtar Fal. (2007). *Al-Dhau al-Musyriq Ala Sullam al-Mantiq*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ukiele, Norman (2009). *Designing Social Research*. Cambridge: Polity Press.

Yd, Robert. (2003). *Critical Reasoning And Logic*. New Jersey: Pearson education Inc.

Zulur Rehman Faridi (Ed.). (1999). *The Need for an Islamic Theory and Methodology of History*. Kuala Lumpur: Synergy Book International.

- Syukriadi Sambas. (2003). *Mantik Kaidah Berpikir Islami*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- hnson, Robert M. (2007). *A Logic Book*. California: Thomson Learning.
- ahane, Howard & Cavender, Nancy. (2002). *Logic And Contemporary Rhetoric*. California: Thomson Learning.
- olley, David. (1998). *The Art Of Reasoning*. New York: W.W. Norton Company & Inc.
- eonard, Henry S. (1967). *Principles Of Reasoning: An Introduction To Logic, Methodology, and The Theory Of Signs*. New York: Dover Publications Inc.
- ouay Safi. (1996). *The Foundation Of Knowledge-A Comparative Study In Islamic and Methods Of Inquiry*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- at Rofa Ismail. (1997). *Mantik Dalam Babak Pemikiran Ilmiah Tamadun Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- hammad Syukri Salleh. (2008). “Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju”. *Pemikir*, Bil. 54, Oktober-Disember. hlm. 133-164. Diterbitkan Semula Dalam Siri Kertas ISDEV No. 8.
- hammad Syukri Salleh. (2011). “Ke Arah Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam”, dlm. Zakaria Bahari, et al., (Ed.). Pengurusan Ilmu, Ekonomi Dan Pembangunan Berteraskan Islam. Pulau Pinang: Penerbit Universiti sains Malaysia.
- hammad Taqiy al-Mudarrisi. (1992). *Al-Mantiq al-Islami: Usuluhu Wa Manahijuhi*. Kaherah: Dar al-Bayan Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr.
- euman, W. Lawrence. (2006). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Boston: Allyn and Bacon.
- evany Bustami, Eleesya Nasruddin & Norman Blaikie. (2006). *Lima Falsafah Penyelidikan*. Pulau Pinang: KnowledgeCraftsmen.
- atibi, Abu Ishak al-. 1994. *al-Muwafaqat*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- eachington, L. Bart et.al., (2010). *Research Methods For The Behavioral And Social Sciences*. New Jersey: John Wiley & Sons.
- haya Jusoh & Azhar Muhammad. (2007). *Pendidikan Falsafah Sains Al-Quran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- n Piaw, C. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Education.

isuf al-Qardhawi. 1998. *Al-Quran Berbicara Tentang Akal dan Ilmu Pengetahuan*, terj. Abdul Hayyie al-Kattani, Irfan Salim & sochimien MH. Jakarta: Gema Insani Press.